



**SESI bergambar bersama peserta Kembara Bijak Wang 2019.**

# UMS adakan Kembara Bijak Wang 2019

UB 23.5.2019 B2

**KOTAKINABALU:**Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kaunseling dan Bimbingan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengadakan Kembara Bijak Wang 2019 pada 3 Mei lalu bertempat di Auditorium, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UMS.

Di antara objektif kembara ini adalah untuk membantu individu menguasai situasi kewangan mereka dan

mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak.

AKPK berwawasan untuk menjadi *'The Authority Of Financial Wellness'* dalam masa terdekat ini bagi memastikan setiap individu dilengkapi dengan ilmu pengurusan kewangan peribadi agar mereka lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam menguasai situasi kewangan mereka.

Seramai 40 orang peserta iaitu pelajar UMS dan 35 orang

daripada pelajar UiTM Kota Kinabalu menyertai kembara ini.

Turut hadir adalah Idrus daripada AKPK Cawangan Kota Kinabalu, Ketua Jabatan Pendidikan Kewangan AKPK Nor Akmar Yaakub, Timbalan Pendaftar, Pusat Jaringan Industri Dan Komuniti, UMS Sarlona Jasnje Gindug@Gindog, Pegawai Psikologi, UMS Nurul Fatiha Firdaus Roslan dan wakil pensyarah daripada UiTM Kota Kinabalu.